

PENGANJURAN ACARA MESRA-MUSLIM - SEBUAH CADANGAN GARIS PANDUAN

MUSLIM-FRIENDLY EVENT – PROPOSAL FOR A GUIDELINE

Dhiyaul Hafidh Fatah Yasin

*Pensyarah Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Perlis (KUIPs). dhiyahafiz@gmail.com

*Penulis penghubung

Artikel diterima: 05 Ogos 2024

Selepas Pembetulan: 21 Oktober 2024

Diterima untuk terbit: 22 Nov 2024

Abstrak

Acara ialah program keramaian yang dianjurkan oleh satu pihak sebagai tuan rumah, dan pihak lain sebagai tetamu yang dilayan. Dalam tradisi keilmuan Islam, ia disebut sebagai *dhiyafah* (resepsi tetamu) dan ia adalah satu tuntutan dalam Islam. Namun, pembaca yang menyelusuri kitab turath akan mendapati terdapat banyak elemen resepsi yang sangat berat untuk diamalkan oleh setiap Muslim. Standard/garis panduan biasa pula tidak memerhatikan soal iman dan hukum hakam Islam. Dengan menggunakan kaedah induktif terhadap Qur'an dan hadis serta sistesis dengan rekabentuk standard dan garis panduan yang sering dipakai, kajian ini mencadangkan satu garis panduan untuk penganjuran acara yang dipayung di bawah jenama Mesra Muslim. Kajian ini menyentuh pelbagai aspek penganjuran acara dan resepsi tetamu merangkumi standard, garis panduan dan fatwa sedia ada yang perlu dibaca bersama, persiapan pengurusan, jemputan dan sambutan tetamu, hidangan makanan, hiasan dan persembahan, serta tuntutan fardhu ain. Kajian ini berpotensi untuk menambah baik standard MS 2610:2015 Muslim-Friendly Hospitality Services Requirements yang dikeluarkan Jabatan Standard Malaysia, atau sebagai rujukan agensi yang melihat keperluan adanya garis panduan tersebut.

Kata kunci

Acara, Etika, Mesra-Muslim, Majlis, Resepsi Tetamu

Abstract

Event is a social program organized by one party as the host, and the other party as guest. In the Islamic scholarly tradition, it is referred to as dhiyafah (guest reception) and it is commanded by Islam. However, readers who go through the Islamic turath will find that there are many elements of guest reception that are difficult for to practice by common people. From another spectrum, non-Islamic standards/guidelines do not pay attention to matters of faith and Islamic law. By using the inductive method of the Qur'an and hadith as well as systematising the findings with standard and guideline design that often used, this study proposes a guideline for the organizing events using the Muslim Friendly umbrella. This study touches on various aspects of event organization and guest reception including standards, existing guidelines and fatwas that need to be read together, management preparations, invitations and reception of

guests, F&B, decorations and entertainment, as well as fardhu ain requirements. This study has the potential to improve the standard MS 2610:2015 Muslim-Friendly Hospitality Services Requirements issued by the Malaysian Standards Department, or as a reference for agencies that see the need for such guideline.

Keywords

Ceremony, Etiquette, Event, Guest Reception, Muslim-Friendly

1.0. Pengenalan

Penganjuran acara yang berkualiti mempunyai pengaruhnya yang sangat besar. Bagi golongan diplomat, kualiti layanan resepsi dan penganjuran acara terbukti mempunyai impak yang besar untuk halatuju hubungan dua negara (Dziergwa, 2020). Setiap sambutan adalah acara. Dari segi ekonomi, komunikasi yang baik dalam resepsi terhadap tetamu terbukti mempengaruhi imej sesuatu destinasi (de Sousa & de Gouveia, 2021). Bahkan untuk golongan pelarian yang tetap merupakan tetamu, cara penduduk tempatan menyambut mereka, bermula dari pintu masuk negara, sangat mempengaruhi sifat kenasionalan mereka terhadap negeri kedua tersebut, dan perkara ini sangat penting untuk kestabilan negara (Boccagni & Giudici, 2022). Justeru Sadasue et al. (2022) mengatakan bahawa mempunyai sistem resepsi tetamu yang boleh dinilai dan sentiasa ditambah baik adalah satu keperluan.

Menurut pemahaman moden, intipati utama resepsi tetamu dalam setiap acara ialah komunikasi baik antara tuan rumah dan tetamu di mana tuan rumah melayan tetamu dengan semangat serta cara yang menggembirakan tetamu (Mitchell, 2022). Memandangkan pelayanan tetamu adalah satu kemahiran komunakasi yang penting tetapi rumit, khususnya kerana kepelbagaian latar belakang dan etnik tetamu yang mengakibatkan kepelbagaian kebiasaan dan tingkah laku mereka, telah timbul usaha melatih pekerja hotel dengan alat bantuan realiti maya (*Virtual Reality* [VR]) yang prinsip utamanya merangkumi (1) deskripsi ekpektasi simulasi; (2) deskripsi pengalaman; dan (3) analisis perbezaan antara realiti dan maya (Fiala et al., 2023).

Dalam Islam pula, panduan penganjuran acara ini tertakluk di bawah perbahasan resepsi tetamu (*al-dhiyafah*) dan ia mempunyai kedudukan yang istimewa. Terdapat beberapa sabda Nabi Muhammad SAW berkaitan hal tersebut seperti,

مَنْ كَانَ يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ فَلْيُكْرِمْ ضَيْفَهُ

Maksudnya: Siapa yang beriman dengan Allah dan Hari Akhirat, maka hendaklah dia *ikram* (memuliakan) tetamunya.

Al-Bukhari, no. 3136; dan Muslim, no. 47

Dan

مَنْ أَقَامَ الصَّلَاةَ، وَآتَى الزَّكَاةَ، وَحَجَّ الْبَيْتَ، وَصَامَ رَمَضَانَ، وَقَرَى الضَّيْفَ؛ دَخَلَ الْجَنَّةَ

Maksudnya: Siapa yang mendirikan solat, membayar zakat, menunaikan haji, berpuasa Ramdhan dan melayan tetamu, akan masuk ke syurga.

la juga adalah salah satu daripada lima sifat mulia ada pada Nabi SAW sejak sebelum menjadi rasul. Ketika baginda ketakutan selepas didatangi Jibril di Gua Hira', Khadijah binti Khuwailid RA menenangkan baginda dengan menyatakan beberapa sifat termulia baginda yang dengan sifat tersebut, Allah tidak akan mencelakan orang tersebut. Khadijah diriwayatkan berkata,

وَاللَّهِ مَا يُخْزِيكَ اللَّهُ أَبَدًا، إِنَّكَ لَتَصِلُ الرَّحِمَ، وَتَحْمِلُ الْكَلَّ، وَتَكْسِبُ الْمَعْدُومَ، وَتَقْرِي الضَّيْفَ، وَتُعِينُ عَلَى نَوَائِبِ الْحَقِّ

Maksudnya: Demi Allah, Dia tidak akan mencelakanmu selama-lamanya, kerana engkau (mempunyai sifat-sifat yang disukaiNya iaitu) menyambung silaturrahim, memikul beban orang yang memerlukan, memberi pendapatan kepada yang ketiadaannya, memuliakan tetamu dan membantu hak orang lain.

Al-Bukhari, no. 3; dan Muslim, no. 252

Apabila ini akhlak baginda SAW, maka apabila seseorang Muslim mengamalkan melayan tetamu dengan baik, dia bukan sahaja mengikut arahan baginda seperti yang dinyatakan dalam hadis di atas, tetapi juga turut mempraktikkan ajaran al-Qur'an kerana akhlak baginda adalah al-Qur'an seperti yang disebut oleh Aishah RA,

فَإِنَّ خُلُقَ نَبِيِّ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ الْقُرْآنَ

Maksudnya: Sesungguhnya akhlak Nabi SAW adalah al-Qur'an

Muslim, no. 746

Dalam al-Qur'an, Allah SWT sendiri telah memerintahkan agar setiap muslim mencontohi Nabi SAW dalam firmanNya,

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا

Maksudnya: Sesungguhnya bagi kamu dalam diri Rasulullah SAW itu satu tauladan baik bagi siapa yang mengharap (redha) Allah dan (keselamatan) Hari Akhirat, dan dia juga orang yang banyak mengingati Allah.

Surah al-Ahzab (33):21

Di sini dapat disimpulkan bahawa menurut al-Qur'an dan hadis, resepsi tetamu yang baik itu menggambarkan tahap keimanan seseorang kepada Allah dan Hari Akhirat, satu amalan khas yang memudahkan masuk ke syurga, satu sifat yang boleh menjadi sebab seseorang itu tidak akan diabaikan oleh Allah, dan merupakan satu bukti seseorang itu mengikut al-Qur'an dengan mencontohi Nabi SAW.

Walaupun resepsi tetamu dalam penganjuran acara mempunyai impak yang besar dalam manfaat duniawi dan ukhawi setiap individu Muslim, pembaca yang menyelusuri nas al-Qur'an dan hadis tentang pelayanan tetamu akan mendapati terdapat banyak elemen yang sangat berat untuk ditunaikan oleh golongan awam. Sebagai contoh, menurut Fatah Yasin (2024), kisah pelayanan tetamu oleh Nabi Ibrahim merupakan rujukan paling utama dalam al-Quran berkaitan pelayanan tetamu yang diulang sebanyak tiga kali menandakan kepentingannya untuk dirujuk oleh umat Islam. Dalam kisah tersebut, Nabi Ibrahim sanggup menyembelih seekor anak lembu terbaiknya untuk dihidang kepada tiga tetamu yang tidak dikenali.

Dari sudut lain, terdapat hadis yang meletakkan tempoh pelayanan tetamu yang sempurna adalah selama tiga hari, dan kadar minimumnya ialah sehari semalam. Ini seolah-olah resepsi tetamu untuk tempoh kurang dari yang disebut bererti tidak dianggap sebagai resepsi yang dikehendaki Islam, dan tidak melayakkan tuan rumah tersebut memperoleh manfaat-manfaat yang telah disebut di atas seperti yang dinyatakan oleh Imam al-Laith dan Imam Ahmad. (al-Nawawi, 1996: 394). Hadis tersebut ialah sabda Nabi SAW,

الصِّيَافَةُ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ وَجَائِزَتُهُ يَوْمٌ وَلَيْلَةٌ

Maksudnya: Pelayanan tetamu itu selama tiga hari, dan haknya (tetamu untuk dilayan dengan yang terbaik) selama sehari semalam.

Muslim, no. 48

Berdasarkan perbincangan ulama' terhadap hadis tersebut, al-Nawawi (1392H: 2/18-19) menafsirkan resepsi tetamu tersebut bermaksud menyediakan tempat teduhan, keperluan asas, keramahan dan makanan tanpa menyatakan setahap mana setiap daripada ia perlu dilaksanakan. Al-Aini (t.t.: 22/174) pula menyatakan tahapnya, iaitu apa yang diberikan kepada tetamu tersebut hendaklah lebih daripada apa yang biasa dinikmati oleh tuan rumah. Justeru, adakah sekiranya penginapan tidak disediakan, atau tuan rumah melayan tetamu seperti dia melayan diri dan keluarganya sendiri, maka resepsinya tidak cukup syarat?

Justeru, persoalan yang timbul adakah pelayanan tetamu yang tidak mencapai apa yang disebut dalam nas-nas berkenaan dianggap tidak Islamik? dan setakat manakah pelayanan tetamu itu dianggap memenuhi kadar minimum untuk dianggap Islamik?.

Dari sudut yang lain, Allah SWT juga memerintah setiap mukmin untuk taat pada arahan pemimpin pada perkara yang ma'ruf. Allah SWT berfirman,

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ

فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ۚ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada para pemimpin kamu. Jika kamu berselisih dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) RasulNya

- jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.

Surah al-Nisa' (4):39

Dalam konteks Malaysia, adakah terdapat garis panduan dari pihak berkuasa berkaitan penganjuran acara dan resepsi tetamuyang perlu dirujuk? Dan sekiranya ada, bagaimana ia boleh disintesis dengan dapatan dari khazanah turath Islami, terutama al-Qur'an dan hadis.

Dari sudut standard komtemporari yang dirujuk oleh pihak industri, pengkaji mendapati ISO20121-Sustainable Events adalah standard tunggal yang boleh diguna pakai di Malaysia kerana ia milik badan antarabangsa, walaupun ia berasal dari British Standard BS 8901:2007 Specification For a Sustainable Event Management System With Guidance For Use yang dibangunkan oleh Kerajaan British pada 2007 untuk menjadi panduan persediaan penganjuran Olimpik dan Paralimpik London 2012, namun turut boleh digunakan untuk seminar, ,konsert, sukan, acara, pameran dan perayaan, oleh pihak penganjur, pengurus acara, semua yang terlibat dalam membina pentas sambutan, katering dan logistik. (ISO, 2012).

Seperti tajuk, isi kandungan standard ini memfokuskan pada aspek penjagaan alam sekitar. Ini selari dengan ajaran Islam yang meletakkan penjagaan alam sekitar sebagai salah satu daripada Maqasid Syariah (Adenan et al, 2023). Namun begitu, jika dilihat kepada nas-nas Islam, ikram tetamu dan isu kerohanian tidak dapat dipisahkan. Di sini tampak kepentingan mengintegrasikan kedua-dua aspek rohani dan materi untuk membina satu garis panduan yang jelas, logik, signifikan dan mampu dilaksanakan.

Justeru kajian kualitatif ini menggunakan kaedah induktif daripada tafsir dan hadis tematik untuk mengumpul adab pelayanan tetamu dan membentangkannya dalam format yang biasa digunakan di Malaysia, terutama dalam Malaysian Standard (MS) untuk bahagian hadapan, dan garis panduan dari institusi agama untuk bahagian dalam. Pemilihan format laporan ini bertujuan untuk memudahkan penggunaannya sebagai rujukan kepada mana-mana agensi kerajaan yang berminat untuk mengeluarkan garis panduan berkaitan.

2.0. Sorotan Literatur

2.1. Definisi

Kamus Dewan Edisi Keempat memberikan empat makna acara iaitu (1) agenda mesyuarat, (2) susunan program, (3) kegiatan, dan (4) kes mahkamah. Manakala untuk majlis pula ada tiga makna iaitu (1) badan lantikan; (2) keramaian; dan (3) tempat persidangan (PRPM, t.t.). Dalam bahasa Inggeris, Bladen et al. (2022) mendefinisikan acara (*event*) sebagai perhimpunan sekelompok manusia untuk tujuan tertentu. Getz (2005) pula memperincikannya sebagai perancangan dan pelaksanaan satu majlis yang bukan dalam kategori kebiasaan menurut jadual, jika dilihat dari sudut penganjur, dan satu kejadian yang menawarkan nilai hiburan, sosial atau kemasyarakatan, jika dilihat dari perspektif tetamu.

2.2. Objektif Penganjuran Acara

Niat atau objektif memainkan peranan yang sangat penting untuk menentukan status sebenar sesuatu perbuatan menurut kacamata Islam, sama ada diterima atau ditolak, sama ada pahala atau dosanya sedikit atau banyak, akan dimaafkan atau dihukum. Nabi SAW bersabda,

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّةِ وَإِنَّمَا لِامْرِئٍ مِمَّا نَوَىٰ

Maksudnya: Semua perbuatan dilakukan dengan niat, dan untuk seseorang itu ganjaran berdasarkan apa yang diniatkannya. ”

Al-Bukhari, no. 6689; Muslim, no. 1907

Perbuatan yang sama boleh bertukar hukumnya sama ada elok atau rosak, diterima atau ditolak, mendapat pahala atau tidak, hanya kerana niat yang berbeza. (Ibn Rejab, 2008: 36). Matthews (2007) pula secara dasarnya terdapat lima sebab utama kepada penganjuran acara iaitu keagamaan, politik, kemasyarakatan, pendidikan dan komersial. Dari perspektif al-Qur'an dan hadis, Fatah Yasin dan Sohirin (2018) telah menyenaraikan objektif/niat yang disyorkan oleh Islam dalam bab hospitaliti yang merangkumi acara dan resepsi tetamu iaitu demi 1. Mendapatkan keredhaan Allah; 2. Untuk mencontohi para rasul; 3. Sebagai medium berdakwah dan demi menjadi umat terbaik; 4. Keharmonian ras manusia; 5. Merekrut bakat; 6. Menerima bantuan; dan 7. Asbab membina tamadun. Menyentuh tentang membina tamadun, Saiman (2024) menyatakan bahawa kelestarian alam sekitar sangat berkait rapat dengan pembangunan negara moden yang mendatangkan kesejahteraan dan kebaikan kepada manusia, justeru ia adalah tanggungjawab kolektif ke atas semua.

2.3. Persiapan Umum Penganjur

Menurut Fatah Yasin (2019), hospitaliti terbahagi kepada dua, iaitu kebajikan dan komersial. Secara umum, setiap individu Muslim dituntut untuk mempelajari adab dalam setiap situasi, termasuk adab sebagai tuan rumah. Abdullah bin Mubarak berkata, “Boleh dikatakan adab mewakili 2/3 ajaran Islam” (Ibn al-Jauzi, 2000: 2/33). Kementerian Wakaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait (1427H: 28/317) telah merumuskan adab resepsi tetamu dengan menyebut, “Dituntut untuk tuan rumah beramah mesra dengan tetamu dengan berbicara dengan cara yang baik, dan bercerita sesuai keadaan, kerana antara ciri kesempurnaan *ikram* ialah berwajah manis dan indah bicara ketika keluar atau masuk, agar tetamu merasa lapang. Dia juga tidak boleh membebankan diri kerana baginda SAW bersabda, ‘Aku dan umatku yang bertakwa berlepas diri daripada golongan yang membebankan diri’. Tuan rumah juga hendaklah apabila berkata ‘Jemputlah makan’, berkata tanpa memaksa. Janganlah dia banyak berdiam ketika bicara, hilang dari sisi tetamunya, atau mengherdik khadamnya. Hendaklah dia melayan dirinya sendiri, mendudukkan tetamunya bersama orang yang disenanginya, tidak menghalang apabila tetamunya ingin balik, dan mengiringnya sehingga ke pintu rumah, bahkan memegang tali tunggangannya apabila dia hendak menunggang (kias pada hari ini, membukakan pintu kereta).” Adapun untuk resepsi komersial, maka kaedah umum berniaga yang ditekankan Umar bin al-Khattab iaitu “Jangan ada orang yang berniaga dalam pasar umat Islam melainkan dia belajar agama.” (al-Tirmizi:487. *Hasan*), iaitu mengetahui hukum Halal Haram secara umum, walaupun tidak terperinci, terguna pakai.

2.4. Tuan Rumah Menyambut Tetamu

Pemilik acara adalah sebaik-baik penyambut tetamu. Nabi Muhammad SAW juga memberitahu bahawa kemuncak nikmat bagi penghuni syurga ialah apabila dapat bertemu Allah SWT (Muslim, no. 181) selaku pemilik dan tuan rumah syurga. Situasi dimana pemilik hotel bertemu tetamu secara terus telah memberi impak yang sangat besar dalam industri penginapan Jepun dimana Morishita (2021) menyebut bahkan terdapat tetamu dari luar Jepun yang datang ke Yunohira Onsen di Oita, Jepun, dengan tujuan dapat berjumpa dengan tuan penginapan. Kunci kepada sambutan yang baik ialah komunikasi. Konsep setiap pihak yang diketengahkan Mohd Hamzah et. Al (2023) sebagai *al-Hiwar* iaitu setiap pihak menyuarakan pandangan masing-masing dalam keluarga boleh digunapakai dalam melayan tetamu. Namun dalam masa yang sama, kesilapan boleh berlaku dan ia perlu diperbetulkan. Dalam membetulkan kesalahan pihak lain, Ismail et al (2023) telah memilih pendekatan *al-Muw'izah al-Hasanah* iaitu nasihat melalui panggilan yang lembut, nasihat melalui peringatan, nasihat melalui soal jawab, nasihat melalui cerita, nasihat melalui arahan dan nasihat yang disertai dengan gurauan sebagai cara yang terbaik.

2.5. *Ikhtilat*

Khalwat yang dimaksudkan bererti hal berdua-duaan di tempat yg terpencil atau tersembunyi, antara lelaki dgn perempuan yg bukan mahram dan bukan pula suami isteri, sehingga boleh menimbulkan fitnah dan dianggap sbg suatu perbuatan yg sumbang (PRPM, t.t.). *Ikhtilat* mahupun khalwat ini hendaklah dijaga sama ada sesama kakitangan penganjur semasa masih dalam peringkat gerak kerja persiapan, mahupun semasa acara berlangsung. Tentang menutup aurat secara khusus, DSM (2015) juga menyatakan ia sebagai salah satu garis panduan dalam Hospitaliti Mesra-Muslim hanya sekiranya pekerja terlibat beragama Islam.

Ketika mengkommentar kisah pelayanan Nabi Ibrahim terhadap para tetamunya, al-Zuhaili (1998: 27/38) mengatakan bahawa isteri tuan rumah turut digalakkan untuk menyambut para tetamu lelaki, tetapi dengan syarat dia hendaklah bersama dengan suaminya. Ibn Ashur (1984: 36/360) mengatakan perkara ini juga adalah pandangan Imam Malik. Namun, situasi di atas jika dibebaskan sepenuhnya boleh membawa kepada *ikhtilat*, iaitu pergaulan antara lelaki dan perempuan (Wegemakers, 2016) yang dianggap sebagai salah satu isu etika utama dalam sesuatu acara dan resepsi. Justeru al-Khatir dan al-Abd al-Qadir (2019) yang mengatakan pergaulan antara jantina dibenarkan selagi empat syarat berikut dipenuhi iaitu (1) aurat ditutup, (2) pandangan dijaga, (3) bicara yang boleh menaikkan keinginan seksual dijauhkan, dan (4) menganggap *ikhtilat* sebagai keperluan berdasarkan situasi, bukan satu kebebasan dan keseronokan. Keharusan bersyarat ini juga adalah selari dengan hadis tentang majlis kahwin Abu Usaid al-Sa'idi, yang diletak oleh al-Bukhari (1993: 5/1986) di bawah tajuk, "Bab Wanita Melayani Tetamu Lelaki dalam Majlis Perkahwinan". Namun sekiranya pergaulan tersebut termasuk dalam kategori khalwat, maka ia adalah dilarang (Suroto et al., 2020).

2.6. Konsep Mesra-Muslim

Mesra-Muslim sering dikaitkan dengan pelancongan dan industri Halal, walaupun konsep ini turut diguna pakai dalam sektor perbankan, fesyen, media, rekreasi,

farmasitikal dan kosmetik (Takhim et al., 2023). Terma Halal, Mesra-Halal, Mesra-Islam dan Mesra-Muslim sering dilihat serupa. Namun sebenarnya terdapat perbezaan dengan dua yang terakhir merangkumi dua yang pertama, ditambah dengan memenuhi syarat kelengkapan lain yang memenuhi keperluan umat Islam seperti kemudahan solat dan keperluan kebersihan yang patuh pada Syarak (Hernández, 2022). Zawawi dan Raml (2017) turut menyatakan kewujudan terma Patuh Syariah bagi sebahagian institusi hospitaliti sambil berpandangan terma Hospitaliti Halal sebagai payung kepada kedua-dua Mesra-Muslim dan Patuh Syariah. Di sebalik kepelbagaian, terma Mesra-Muslim adalah pilihan di Malaysia kerana ia digunakan oleh Jabatan Standard Malaysia untuk standardnya MS 2610:2015 Muslim-Friendly Hospitality Services Requirements (Fatah Yasin, 2019).

2.7. Penerapan Nilai Akidah, Syariah dan Etika dan Resepsi

Nazri et al. (2016) telah menyatakan bahawa penganjuran acara Mesra-Muslim hendaklah memiliki unsur tauhid, kesederhanaan (*wasatiyyah*), keseimbangan (*tawazun*), keadilan (*'adl*), keterampilan (*ihsan*), kualiti (*itqan*) dan nilai Maqasid Syariah. Prosesnya pula melibatkan perancangan (*takhtit*), pengendalian (*tanzim*) dan pengawasan (*riqabah*). Kewujudan garis panduan untuk perkara ini adalah satu keperluan untuk majoriti Muslim seperti Malaysia (Zainan Nazri & Fatah Yasin, 2018). Fatah Yasin et al. (2024) pula mencadangkan nilai Hospitaliti Nabi Ibrahim AS dalam al-Qur'an sebagai panduan utama pengacaraan majlis menurut Islam.

2.8. Pengaruh Etnik

Cara resepsi tetamu sangat dipengaruhi oleh nilai etnik dan budaya. Kedatangan etnik luar ke Mediterranean dari satu sudut telah menimbulkan kesukaran untuk mengenal pasti tatacara resepsi tetamu Mediterranean yang tulen, tetapi dari sudut lain telah menyebabkan ia berkembang (Grotti & Brightman, 2021). Perbezaan latar belakang komuniti boleh memberi kesan antaranya dari sudut pemilihan perkataan semasa berinteraksi dengan tetamu. Kesilapan pada pemilihan perkataan boleh menyebabkan majlis yang sepatutnya baik dtanggapi oleh tetamu sebagai sebaliknya (Erickson, 2023). Pengaruh etnik dan budaya tidak terhad kepada tatacara, namun turut mempengaruhi bentuk fizikal lokasi resepsi seperti berleluasanya bilik tetamu ala Barat di Korea pada zaman kolonial Jepun (Park & Lee, 2021).

2.9. Pengaruh Jantina, Pengetahuan, Usia, dan Fizikal Tubuh

Jantina turut memainkan peranan dalam membentuk persekitaran majlis. Justeru majlis perkahwinan sering dihiasi dengan persekitaran yang menunjukkan kewibawaan pengantin lelaki (Penlington, 2023). Pengaruh kemajuan ilmu pengetahuan dalam tata kelola penganjuran majlis dapat dilihat seperti dalam penekanan memilih makanan yang mampan dan lebih mesra alam untuk hidangan (Debucquet et al., 2023). Usia turut mempengaruhi. Terdapat perbahasan yang panjang berkaitan kanak-kanak, sama ada mereka wajar dijemput ke majlis rasmi khususnya majlis perkahwinan, kerana cara pelayanan mereka adalah lebih kompleks, walau pun tidak mustahil mereka dapat digembirakan (Haverly, 2023). Begitu juga dengan tetamu dari golongan kelaian upaya seperti kurang penglihatan,

mereka boleh digembirakan sekiranya penganjur mempunyai pengetahuan berkaitan dan menawarkan khidmat yang berkaitan (Sadasue et al., 2022).

2.10. Acara dan Resepsi Tetamu dalam Khazanah Turath

Dari sudut ilmu turath Islami, Ibnu Abi al-Dunya yang wafat pada 281H dan Ibrahim al-Harbi yang wafat pada 288H merupakan ulama' pertama yang menyusun buku khusus tentang melayani tetamu yang disusun berdasarkan konsep kitab hadis. Buku Ibnu Abi al-Dunya (1997) iaitu Qira al-Dhaif dirumuskan oleh pengkaji sebagai menyentuh perkara berikut:

- 1) kaitan antara iman dan memuliakan tetamu;
- 2) tempoh tetamu berhak dilayani;
- 3) kisah hospitaliti Nabi Ibrahim;
- 4) tuan rumah sendiri yang melayan tetamu termasuk makan bersama mereka;
- 5) tuan rumah pelayan tetamu yang baik tidak hanya menunggu tetamu datang, tetapi keluar mereka (khususnya fakir miskin);
- 6) mengutamakan tetamu berbanding diri dan keluarga sendiri;
- 7) tidak mengambil bayaran atas layanan pada tetamu;
- 8) tetamu perlu berusaha membalas layan diterima;
- 9) tidak bakhil untuk melayan tetamu tetapi mengikut kemampuan;
- 10) menjemput tetamu menyertai tuan rumah dalam menyediakan layanan;
- 11) membahagi jumlah tetamu yang ramai kepada ramai tuan rumah;
- 12) doa agar diperbanyak harta untuk boleh melayan tetamu;
- 13) mendoakan tuan rumah yang pemurah;
- 14) memanggil orang yang lalu lalang untuk tetamu;
- 15) kisah-kisah tokoh dalam melayan tetamu;
- 16) pemimpin masyarakat diambil daripada orang yang baik dalam melayan tetamu;
- 17) keberkatan hidup orang yang sering melayan tetamu;
- 18) memuliakan tetamu adalah tuntutan, bukan perbuataan sukarela;
- 19) celaan kepada orang yang melihat apa yang dimilikinya sebagai murah atau lekeh, lalu tidak menjamunya kepada tetamu;

Manakala buku al-Harbi (1407H) iaitu Ikram al-Dhaif mempunyai tambahan beberapa perkara seperti:

- 1) tuntutan untuk tetap memuliakan tetamu yang sebelumnya tidak memuliakan kita;
- 2) memuliakan tetamu adalah sifat mulia bagi orang Islam dan bukan Islam;
- 3) kaitan antara solat, zakat dan melayan tetamu,
- 4) wasiat nabi untuk melayan tetamu dengan baik;
- 5) celaan dan azab kepada orang yang tidak memuliakan tetamu,
- 6) tetamu mukmin tidak banyak makan
- 7) kisah hospitaliti Nabi Ibrahim secara lebih terperinci dengan tambahan menghidang haiwan sembelihan secara penuh tanpa dipotong; menggunakan sedikit paksaan agar tetamu tidak malu alah; dan tetamu perlu cuba untuk tidak menikmati layanan tersebut secara percuma, jika mampu;

2.11. Kebaharuan Kajian

Kajian ini mendapati telah ada beberapa panduan umum penganjuran majlis yang menyentuh soal etnik, jantina, pengetahuan, usia dan kecacatan fizikal. Panduan penganjuran acara Mesra Muslim turut ada tetapi berbentuk perbincangan beberapa isu terpilih. Justeru kajian ini akan memberi garis panduan yang sudut pandang baru, iaitu bermula dari niat dan jemputan sehingga perpisahan sebagai garis panduan dalam bentuk manual praktikal, di samping turut mengguna-pakai garis panduan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan.

3.0. Dapatan Kajian

Kajian ini mencadang kerangka panduan acara Mesra-Muslim yang tidak sekadar menyentuh soal Haram Haram, tetapi turut mengandungi elemen pelayanan tetamu yang diambil dari al-Qur'an dan Sunnah. Dengan ini, kajian ini mencadangkan panduan acara Mesra-Muslim berikut:

3.1. Tujuan

Garis panduan ini untuk dirujuk dan digunakan oleh syarikat dan individu yang penganjur majlis untuk menjadikan acara tersebut diterima sebagai Mesra Muslim.

3.2. Pendahuluan

Menganjurkan majlis yang menjadi medium *ta'aruf* (saling berkenalan) dan merapatkan hubungan silaturrahim serta persahabatan adalah sesuatu yang dipuji dalam Islam, selagi tidak mengandungi perkara yang bertentangan dengan al-Qur'an, Sunnah Nabi SAW dan peraturan pemerintah. Garis panduan ini turut mengambil kira tiga aspek tersebut, dengan pemerintah yang dimaksudkan ialah Kerajaan Malaysia melalui badan kerajaan yang khusus bertanggungjawab untuk mengeluarkan garis panduan, iaitu Majlis Fatwa Negeri, Muzakarah Fatwa Kebangsaan, dan Jabatan Standards Malaysia.

3.3. Aspek dan Dokumen untuk Dibaca Bersama

- a. Tentang tadbir urus patuh Syariah:
 - i. MS 1900:2014 Shariah-based Quality Management Systems – Requirements with Guidance yang dikeluarkan.
- b. Tentang hospitaliti Mesra Muslim:
 - i. MS 2610:2015 Muslim-Friendly Hospitality Services Requirements.
- c. Tentang konsep Halal di Malaysia:
 - i. MS 2393: 2013 Islamic and Halal Principles - Definitions and Interpretations on Terminology
- d. Tentang penghasilan dan pengurusan makanan:
 - i. MS 1500: 2009 Halal Food - Production, Preparation, Handling and Storage - General Guidelines (Second Revision).
- e. Tentang penggunaan air tapis Halal:
 - i. MS 2594: 2015 Halal Chemicals for Use in Potable Water Treatment - General Guidelines.
- f. Tentang sabun dan sanitari patuh Syariah:
 - i. MS 2200: PART 1: 2008 Islamic Consumer Goods - Part 1: Cosmetic and Personal Care - General Guidelines

- ii. MS 2200-2: 2013 Islamic Consumer Goods - Part 2: Usage of animal bone, skin and hair - General guidelines.
- g. Tentang pengurusan logistik Halal:
 - i. MS 2400-1: 2010 Halalan-Toyyiban Assurance Pipeline - Part 1: Management System Requirements for Transportation of Goods and/ or Cargo Chain Services;
 - ii. MS 2400-2: 2010 Halalan-Toyyiban Assurance Pipeline - Part 2: Management System Requirements for Transportation of Goods and/ or Cargo Chain Services; dan
 - iii. MS 2400-3: 2010 Halalan-Toyyiban Assurance Pipeline - Part 3: Management System Requirements for Transportation of Goods and/ or Cargo Chain Services.
- h. Tentang panduan persembahan, seperti:
 - i. Dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM):
 - i. Garis Panduan Hiburan dalam Islam (2005)¹ atau
 - ii. Garis panduan baru yang diumumkan pada 2 Disember 2023 untuk dibangunkan².
 - ii. Dari Majlis Fatwa Negeri negeri seperti:
 - i. Dari Pejabat Mufti Perlis:
 - 1. Garis Panduan Acara Persembahan Hiburan Di Negeri Perlis (Konsert, Lakonan, Tarian Dan Seumpamanya) (2019)³, dan
 - 2. Fatwa Berkaitan Gurauan (2021)⁴.
 - ii. Dari Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan: Bayan Linnas Siri Ke-197: Islam dan Muzik (2019)⁵
- i. Tentang peluang perniagaan yang mempromosikan akidah yang bertentangan dengan Islam, dari Majlis Fatwa Negeri negeri seperti:
 - i. Dari Pejabat Mufti Perlis:
 - i. Fatwa Tentang Penglibatan Kontraktor Atau Pekerja Muslim Dalam Pembinaan Rumah Bakar Mayat Bukan Islam (2022).
 - ii. Dari Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan:
 - i. Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-659: Hukum Menyertai Perniagaan Yang Mempromosi Agama Lain (2022).
- j. Tentang pergaulan, dari Majlis Fatwa Negeri negeri seperti:
 - i. Dari Pejabat Mufti Perlis:

¹ http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/assets/files/old-site/garis_panduan_hiburan_dalam_islam.pdf

² <https://malaysiagazette.com/2023/12/02/garis-panduan-program-hiburan-akan-diselaraskan-naim/>

³ <https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/120-garis-panduan-acara-persembahan-hiburan-di-negeri-perlis-konsert-lakonan-tarian-dan-seumpamanya>

⁴ <https://muftiperlis.gov.my/index.php/himpunan-fatwa-negeri/576-fatwa-berkaitan-gurauan>

⁵ <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/3570-bayan-linnas-siri-ke-197-islam-dan-muzik>

- i. Fatwa Tentang Penglibatan Kontraktor Atau Pekerja Muslim Dalam Pembinaan Rumah Bakar Mayat Bukan Islam (2022).
 - ii. Dari Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan:
 - i. Al-Kafi # 1529 : Hukum Silat Antara Lelaki Dan Perempuan (2020)
 - ii. Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-749 : Hukum Bergambar Dengan Berlainan Jantina (2023).
- k. Tentang hiasan, dari Majlis Fatwa Negeri negeri seperti:
 - i. Dari Pejabat Mufti Perlis:
 - i. Fatwa Tentang Hukum Penggunaan Objek Yang Berbentuk Salib Atau Apa-Apa Lambang Agama Lain (2020)
 - ii. Fatwa Tentang Hukum Membuat Atau Menggunakan Patung Yang Berbentuk Manusia Atau Haiwan (2021).
 - ii. Dari Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan:
 - i. Al-Afkar #22: Melukis Kolam / Rangoli Bagi Umat Islam (2018)
 - ii. Al-Afkar #47: Hukum Patung Sebagai Perhiasan (2019)

3.4. Persiapan Pengurusan

- a. Penganjur komersial hendaklah mengetahui batasan Halal Haram dalam perniagaan. Syarikat disyor untuk melantik pegawai Syariah atau jawatankuasa penasihat Syariah yang memantau dan menasihati syarikat tentang hal ehwal agama.
- b. Penganjur hendaklah memastikan objektif penganjuran majlis tidak bertentangan dengan apa dilarang dalam Islam sama ada dari segi akidah, hukum hakam atau moral.
- c. Penganjur hendaklah hanya menggunakan akaun bank atau pinjaman patuh Syariah. Sekiranya penganjur turut mengendalikan perniagaan lain yang tidak patuh Syariah, maka hendaklah akaun berkaitan acara MM tersebut diasingkan.
- d. Penganjur hendaklah memastikan semua bayaran kepada pihak berkenaan selesai dalam tempoh dijanjikan tanpa tundaan kecuali disebabkan alasan yang diterima oleh syarak dan undang-undang.
- e. Penganjur komersial hendaklah merujuk garis panduan yang dikeluarkan pihak berwajib terutamanya Majlis Fatwa Negeri dan Jabatan Standards Malaysia.

3.5. Jemputan dan Sambutan Tetamu

- a. Pemilik majlis bebas menjemput sesiapa yang dikehendaki. Namun untuk kenduri kahwin, maka pemilik majlis dinasihat agar tidak mengkhususkan jemputan kepada golongan berada sambil mendiskriminasikan golongan miskin, kerana terdapat larangan khusus dalam hadis tentang perkara tersebut iaitu sabda Nabi Muhammad SAW, "Seburuk-buruk makanan ialah makanan dalam acara kenduri kahwin yang hanya golongan kaya yang dijemput, sedangkan golongan miskin tidak." (al-Bukhari:5177 and Muslim:1432. *Sahih.*).

- b. Untuk majlis kenduri-kendara terbuka, Sunnah untuk tuan rumah menjemput orang yang lalu lalang hadir.
- c. Disunnahkan tuan rumah sendiri yang bertindak sebagai penyambut sebagai tanda penghormatan penuh kepada para tetamu.
- d. Disunnah menggunakan ucapan *Assalamualaikum* kepada kepada tetamu Islam. atau kumpulan yang di dalamnya terdapat orang Islam.
- e. Untuk golongan bukan Islam, digalakkan menggunakan ucapan ganti yang memperkenalkan budaya setempat seperti “Selamat Datang”, atau lain-lain berdasarkan tradisi setempat terutama untuk majlis yang mempunyai tetamu luar kerana perkongsian budaya antara objektif hospitaliti Islam.

3.6. Hidangan Makanan

- a. Makanan hendaklah disediakan oleh pihak yang mempunyai sijil Halal, sama ada sijil tersebut dimiliki oleh syarikat penganjur majlis, atau syarikat tersebut mendapatkan bekalan makanan dari syarikat lain yang mempunyai sijil Halal.
- b. Minuman yang dihidang hendaklah menggunakan mesin tapis yang berstatus Halal.
- c. Sabun cuci tangan dan bahan cucian lain yang digunakan untuk mempunyai status Halal.
- d. Disunnah agar hidangan segera dijamu. Sekiranya majlis telah dirancang agar makanan dihidang lewat, maka penganjur digalakkan untuk menyediakan hidangan ringkas sebaik tamu tiba.
- e. Penganjur disyorkan mengutamakan hidangan tempatan untuk terutama majlis yang mempunyai tetamu luar kerana perkongsian budaya antara objektif hospitaliti Islam.
- f. Penganjur hendaklah mempunyai satu mekanisma menangani pembaziran makanan kerana ia sesuatu yang diharamkan oleh Islam.

3.7. Hiasan dan Persembahan

- a. Penganjur hendaklah memastikan hiasan dan persembahan yang terdapat dalam majlis mengikut fatwa dan garis panduan pihak berkuasa agama.
- b. Secara dasarnya, hiasan yang melambangkan kesyirikan, athiesm atau simbol untuk agama lain adalah dilarang.
- c. Penganjur disyorkan mengutamakan hiasan dan persembahan yang melambangkan nilai tempatan terutama untuk majlis yang mempunyai tetamu luar kerana perkongsian budaya antara objektif hospitaliti Islam.

3.8. Tuntutan Fardhu Ain

- a. Penganjur perlu menyediakan aturcara yang tidak menghalang umat Islam daripada melaksanakan ibadah fardhu ain seperti solat fardhu dan berbuka puasa.
- b. Penganjur disyor menyediakan fasiliti untuk tetamu dalam kalangan umat Islam melaksanakan ibadah fardhu ain tersebut seperti surau, pakaian solat, jadual waktu solat, kemudahan berwudhu’ dan tandas yang mempunyai bidet air.

3.9. Penutup

Garis Panduan Penganjuran Majlis ini adalah menjadi asas rujukan dalam penganjuran majlis berstatus mesra Muslim di Negara/negeri ini.

4.0. Kesimpulan dan Cadangan

Hasil kajian ini merumuskan bahasa garis panduan untuk penganjuran majlis menurut Islam belum dikeluarkan oleh pihak berkuasa Malaysia, sedangkan ia sesuatu yang berlaku pada skala harian dan secara meluas di seluruh negara. Justeru kajian ini berusaha mencadangkan draf dengan menyentuh aspek dokumen rasmi untuk rujukan, persiapan pengurusan, jemputan, sambutan tetamu,, hidangan makanan, hiasan, persembahan dan tuntutan fardhu ain.

Kajian ini turut mengalukan cadangan penambahbaikan daripada para penyelidik lain agar dapat terhasil sebuah deraf yang lebih mapan, semoga dengannya garis panduan atau standard rasmi dikeluarkan oleh pihak berwajib. Selain itu, kajian ini mendapati carian menggunakan kata kunci "*Malaysia standard for food waste management*" gagal menunjukkan standard rasmi tentang hal tersebut. Justeru, ia satu topik yang turut wajar dikaji, tanpa mengabaikan ISO20121-*Sustainable Events* sebagai salah satu rujukan.

Rujukan

Al-Qur'an al-Karim.

Abu El-Enin, N.M.M. (2019). Shari'a Rules for Mixing and Being Alone Between Mahrams. *Journal of al-Ilmiyyah li Kulliyah Usuluddin wa al-Da'wah bi al-Zaqaziq*, 31(3), 2432-2381.

Adenan, F., Fadzil, N. H., Ab Latif, A.-A., Ab Hamid, M. H., Mohd Arif, M. I. A., & Ahmad Rosli, M. S. D. (2023). Dharuriyat al-Khams And Its Relation To The Protection Of The Environment: Dharuriyat al-Khams Dan Hubungannya Dengan Menjaga Alam Sekitar . *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 30(2), 38–47. Retrieved from <https://al-qanatir.com/aq/article/view/669>

Al-Bukhari, M.I. (1993). *Al-Jami' al-Sahih*. Semakan oleh Mustafa Dib al-Bugha. Dar Ibn Kathir dan Dar al-Yamamah.

Al-Bukhari, M.I. (2001). *Al-Adab al-Mufrad*. Semakan oleh Samir bin Amin al-Zuhairi. Maktabah al-Ma'arif.

Al-Dhahabi, M. (2001). *Siyar A'lam al-Nubala'*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Al-Dhiya. (2016). *Al-Jami' al-Kamil fi al-Hadith al-Sahih al-Syamil al-Murattab 'ala Abwab al-Fiqh*. Dar al-Salam.

Al-Hakim, M. (1990). *Al-Mustadrak 'ala al-Sahihain*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Khatir, F.A., and al-Abd al-Qadir, M.S. (2019). Home Exiting for Women and Interacting with Foreign Men in the Light of the Holy Qur'an: An Objective Study. *Journal of Kulliyah al-Dirasat al-Islamiyyah wa al-Arabiyyah li al-Banat bi al-Iskandariyyah*, (36)3, 127-172.

- Al-Nawawi, Y. (1397H). *Syarah al-Nawawi 'ala Muslim*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi
- Al-San'ani, A.R. (2013). *Al-Musannaf*. Edisi kedua. Dar al-Ta'sil.
- Al-Suyuthi, J. (1974). *Al-Itqan fi Ulum al-Qur'an*. Kaherah: al-Hai'ah al-Misriyyah al-Ammah lil Kutub.
- Al-Zahrani, A. (2010). *Al-Tafsir al-Maudhi'i li al-Qur'an al-Karim wa Namadhij Minh*. Madinah Munawwarah: Universiti Islam.
- Al-Zuhaili. (1998). *Al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syari'ah wa al-Manhaj*. 2nd ed. Dar al-Fikr.
- Bladen C., Kennell J., Abson E., and Wilde N. (2022). *Events Management: An Introduction*. 3rd edn. Routledge.
- Boccagni, P., & Giudici, D. (2022). Entering into domestic hospitality for refugees: a critical inquiry through a multi-scalar view of home. *Identities*, 29(6), 787–806. <https://doi.org/10.1080/1070289X.2021.1909359>
- de Sousa, A. P., & de Gouveia, G. F. (2021). Communication in Tourism: Information Technologies, the Human User, Visual Culture and the Location. In *Logic, Argumentation and Reasoning (Vol. 22)*. https://doi.org/10.1007/978-3-030-61438-6_10
- Debuquet, G., Dugué, M., & Cardinal, M. (2023). Choice for sustainable meals at staff restaurants: influence of at-home food habits and food triggers. *British Food Journal*, 125(9), 3468–3488. <https://doi.org/10.1108/BFJ-12-2022-1101>
- Dziergwa, R. (2020). "In the diplomatic service of the Weimar Republic": Thomas Mann's visit to Warsaw (1927) and its echo in the Polish public of the interwar period | „Im diplomatischen Dienst der Weimarer Republik“ Thomas Manns Warschau-Besuch (1927) und sein Echo in der p. *Etudes Germaniques*, 297(1), 247–261. <https://doi.org/10.3917/eger.297.0247>
- Erickson, A. J. (2023). Proverbs' and cancel culture's competing moral visions. *Theology*, 126(5), 358–365. <https://doi.org/10.1177/0040571X231194980>
- Fatah Yasin, D.H., Fatah Yasin, R.F., Hasbullah, M.H. & Ku Yaacob, K.M.S. (2024). An Analytical Inquiry into Ethical Dilemmas in Event Planning - Insights from Muslim Organizers. Manuskrip telah dihantar sebagai bab dalam Mansour, N. and Bujosa, L, *Islamic Finance: New Trends in Law and Regulation*. Springer Nature.
- Fatah Yasin, M.D.H. (2019). *The Qur'ānic Model Of Hospitality Services and Its Application on Grand Puteri Hotel Of Kuala Terengganu*. <http://studentrepo.iium.edu.my/handle/123456789/9738>. [Doctoral Theses, International Islamic University of Malaysia].
- Fatah Yasin, M.D.H. dan Solihin, S. (2018). The Significant of Hospitality from Qur'ani Perspective. In Abd RAhman, A.K., Fatah Yasin, R.F., Mohd Radzi, N.A., Chulan, M. & Abdul Rahman, A. *Rejuvenating Islamic Thought and Civilization*. IIUM Press. (214-229).
- Fatah Yasin, M. D. H., Fatah Yasin, R. F., & Fatah Yasin, M. Muthi'ul H. (2024). Deriving Sunnatic Codes In Abrahamic Hospitality For Hospitable Event. *Al-Hikmah: Jurnal Agama Dan Ilmu Pengetahuan*, 20(2), 208–216. [https://doi.org/10.25299/al-hikmah:jaip.2023.vol20\(2\).14246](https://doi.org/10.25299/al-hikmah:jaip.2023.vol20(2).14246)

- Fiala, J., Hán, J., Husák, J., Chadt, K., Chalupa, Š., Jenčková, J., Kotek, M., Kotek, M., Perutková, M., Průcha, T., Stejskal, J., & Visvizi, A. (2023). More Than Virtual Reality: Tools, Methods and Approaches to Hotel Employee Training. *Springer Proceedings in Complexity*, 435–443. https://doi.org/10.1007/978-3-031-19560-0_35
- Getz, D. (2005). *Event Management and Event Tourism*. 2nd edn. Cognizant Communication Corporation.
- Grotti, V., & Brightman, M. (2021). Introduction: Mediterranean migrant hospitalities. In *Migrant Hospitalities in the Mediterranean: Encounters with Alterity in Birth and Death*. https://doi.org/10.1007/978-3-030-56585-5_1
- Haverly, M. (2023). Children at weddings: How to manage parents and children before, during and after the wedding. In *Events Management for the Infant and Youth Market*. <https://doi.org/10.1108/978-1-80455-690-020231019>
- Hernández, A. L. (2022). Differences and similarities between Halal and Muslim-friendly tourism: A range of opportunities | Diferencias y similitudes entre turismo halal y muslim-friendly: un abanico de oportunidades. *PASOS Revista de Turismo y Patrimonio Cultural*, 20(3), 729–742. <https://doi.org/10.25145/j.pasos.2022.20.050>
- Ibn Abi al-Dunya. (1997) *Qira al-Dhaif*. Riyadh: Adhwa' al-Salaf.
- Ibn al-Jauzi. (2000). *Sifat al-Safwah*. Semakan Ahmad bin Ali. Dar al-Hadith.
- Ibn Ashur. (1984). *Tahrir al-Ma'na al-Sadid wa Tanwir al-'Aql al-Jadid min Tafsir al-Kitab al-Majid*. Dar al-Tunisiyyah.
- Ibn Kathir. (1999). *Tafsir al-Qur'an al-Adzim*. Semakan Sami bin Muhammad Salamah. Dar Taibah.
- Ibn Rejab, H. (2008). *Jami' al-Ulum wa al-Hikam*. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Ismail, S. ., Mohamad Rasit, R. ., Aini, Z. ., & Mohd Hamzah Murghayah, S. K. . (2023). Uslub Maw'izah Hasanah dalam Pendidikan Anak-Anak Muslim Berdasarkan Tarbiyah Al-Awlad Fi Al-Islam: Uslub Maw'izah Hasanah in the Upbringing of Muslim Children Based on Tarbiyah Al-Awlad Fi Al-Islam. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(2), 80–98. <https://doi.org/10.53840/jpi.v16i2.267>
- ISO. 2012. New ISO 20121 Standard For Sustainable Events Management. <https://www.iso.org/news/2012/06/Ref1598.html>. 2 Ogos 2012.
- Jabatan Standard Malaysia. (2014). MS 1900: 2014 Shariah-based Quality Management Systems – Requirements with Guidance. SIRIM.
- Jabatan Standard Malaysia. (2015). MS 2610:2015 Muslim-Friendly Hospitality Services Requirements . SIRIM.
- Kementerian Wakaf dan Hal Ehwat Islam Kuwait (1427H). *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*. Jil. 28. Kementerian Wakaf dan Hal Ehwat Islam Kuwait.
- Matthews, D. (2007). *Special Event Production: The Process*. Taylor & Francis Group.
- Mitchell, C. W. (2022). Impact Hospitality: Creating Social Impact through Hospitality. *Sustainability (Switzerland)*, 14(10). <https://doi.org/10.3390/su14106274>
- Mohd Hamzah, S. K., Ismail, S. ., Abd. Majid, M. ., Usman, A. H., Md. Ali, A. W. ., Mohamad Rasit, R. ., & Aini, Z. . (2023). Pendekatan Al-Ḥiwār dalam Institusi Keluarga Menurut Kitab Al-Tarbiyyah Al-Rashīdah Abdul Karim Bakkar: Al-Ḥiwār Approach in Family Institutions according to the Book of Al-Tarbiyyah

- Al-Rashīdah Abdul Karim Bakkar. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(2), 64–79.
<https://doi.org/10.53840/jpi.v16i2.263>
- Morishita, S. (2021). Hospitality Management to Welcome Foreign Guests in the Japanese Lodging Industry. *International Journal of Social and Business Sciences*, 15(2), 184-188.
- Muslim, B.H. (1955). *Al-Sahih*. Dar lhya' al-Turath al-Arabi.
- Nzri, N.J.Z., Yasin, R.F.F., Samsudin, S. & Ahmad, S. (2016). The Development of Muslim-Friendly Event Management Standards in Malaysia for Establishment of Malaysian Shariah Index Compliance. *Proceedings of the 3rd International Halal Conference (INHAC 2016)*, 191-200.
- Park, C., & Lee, K.-A. (2021). A study on the reception room of houses during the Japanese colonial period in Korea: - focusing on the houses of 《choseon and architecture》 -. *Journal of the Architectural Institute of Korea*, 37(10), 95–106. <https://doi.org/10.5659/JAIK.2021.37.10.95>
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2020, 14 Januari). *Irsyad Al-Fatwa Siri Ke-368: Memberi Salam Kepada Kelompok Muslim Dan Non Muslim*. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/3985-irsyad-al-fatwa-siri-ke-368-memberi-salam-kepada-kelompok-muslim-dan-non-muslim>. Diakses pada 25 Ogos 2023.
- Penlington, N. (2023). The Wedding. In *Genders and Sexualities in History*. https://doi.org/10.1007/978-3-031-27405-3_4
- PRPM. (t.t.) *Khalwat*. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=khalwat>. 22 September 2023.
- PRPM. (t.t.) *Majlis*. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=majlis>. 22 September 2023.
- Sadasue, M., Suzuki, I., Namikawa, K., Tanaka, K., Nishimura, C., Okamura, M., & Ochiai, Y. (2022). Development and Evaluation of Systems to Enjoy a Wedding Reception for People with Low Vision. In *Communications in Computer and Information Science: Vol. 1580 CCIS*. https://doi.org/10.1007/978-3-031-06417-3_79
- Saiman, M. Z. (2024). Keseimbangan Antara Kelestarian Alam Sekitar dengan Pembangunan Negara Moden Menurut Perspektif Maqasid Al-Shariah: The Balance Between Environmental Sustainability and Modern National Development According to The Perspective of Maqasid Al-Shariah. *Jurnal Pengajian Islam*, 17(1), 69–87. <https://doi.org/10.53840/jpi.v17i1.280>
- Suroto, H., Fadlia, F., Sos, S., & Arts, M. (2020). Perlakuan hukum yang berbeda bagi pelaku khalwat antara hukum jinayat dan hukum adat. *Jurnal Ilmiah Mahasiswa Fakultas Ilmu Sosial & Ilmu Politik*, 5(1).
- Takhim, M., Sonjaya, A., Salim, Z., Rahman, A., Basmar, E., Abdullah, R., & Ali, M. (2023). The Synergy of Islamic Banks and Muslim-Friendly Tourism: Patterns of Halal Industry Development in Indonesia. *International Journal of Sustainable Development and Planning*, 18(9), 2723–2731. <https://doi.org/10.18280/ijstdp.180911>
- Wagemakers, J. (2016) Salafi scholarly views on gender-mixing (ikhtilat) in Saudi Arabia. *Journal Orient*, 57(2), 40-51.
- Zainan Nazri, N.J. and Fatah Yasin, R.F. (2018) A pilot survey on 'Muslim – friendly' event management standards in Malaysia and its acceptance among

Malaysian practitioners. In: International Conference on Religion, Culture and Governance in the Contemporary World (ICRCG 2018), 3rd-4th October 2018, Kuala Lumpur. (Unpublished).

Zawawi, M., & Raml, N. (2017). Shari'ah Compliant Hospitality Services” or “Muslim Friendly Hospitality Services”: Searching for a Balance. *Malaysian Journal of Consumer and Family Economics*, 20(S1), 28–37.